

Berita Harian MALAYSIA

RABU, 12 APRIL, 1978

Memperkemas pentadbiran

RAKYAT yang sering bersungut kerana kelambatan urusannya dengan jabatan-jabatan Kerajaan telah diberi jaminan bahawa Kerajaan sedang berusaha meninggikan mutu kerja jentera pentadbirannya supaya lebih kemas, lebih cekap dan lebih cepat segala kerjanya.

Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mengaku bahawa pentadbiran negara ini kebanyakannya masih berasaskan "cara-cara kurun ke-19". Menurut beliau, satu kajian menyeluruh sedang dijalankan untuk meninggikan kecekapan dan kecepatan di semua kementerian dan jabatan.

Dato Seri Dr. Mahathir telah menarik perhatian kepada sungutan-sungutan terhadap pengurusan kerja di pejabat-pejabat tanah sambil menjelaskan bahawa sebab utamanya ialah kekurangan kakitangan.

Menambah kakitangan sahaja tidak akan memecahkan masalah pejabat-pejabat tanah sekiranya pengurusan kerjanya tidak diperkemas dan mutu kerjanya dipertinggi. Bagaimanapun, di mana ada kekosongan-kekosongan yang harus diisi, maka kekosongan-kekosongan itu harus segera diisikan, sekurang-kurangnya dapat ia mengurangkan pengangguran.

Bilangan kerja kosong di jabatan-jabatan kerajaan negeri belum diketahui, tetapi menurut Timbalan Perdana Menteri, kira-kira 80,000 jawatan Federal masih kosong, dan kekosongan ini berjumlah lebih 10 peratus dari matlamat Rancangan Malaysia Ketiga hendak mengadakan 750,000 pekerjaan.

Menurut Dato Seri Dr. Mahathir, jawatan-jawatan kosong itu ialah yang telah pun diluluskan oleh Kerajaan, tetapi bilangan pegawai dan kakitangan yang diminta oleh jabatan-jabatan adalah lebih banyak dari itu. Oleh itu, terangnya kajian teliti akan dijalankan untuk menentukan bilangan yang benar-benar diperlukan pada masa ini dan akan datang.

Rakyat tentulah berharap, sebagaimana yang dikatakan Kerajaan hendak meninggikan mutu kerja jabatan-jabatannya, maka begitulah juga hendaknya mutu kerja kajian yang akan dijalankan itu, agar tidak berleret-leret berlamaan masanya.

Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, khususnya di pejabat-pejabat tanah, dikatakan akan diberi latihan khas mengenai pekerjaan masing-masing. Ini diharapkan akan memberi faedah bukan sahaja kepada mereka yang dilatih itu, malah kepada rakyat juga, supaya sungutan-sungutan dapat dikurangkan, jika pun tidak hilang sama sekali.